



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 OGOS 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	14,000 PAKET AYAM FROZEN DARI CHINA KENA RAMPAS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	SST BUAH IMPORT JANA HASIL RM38J SETAHUN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	LAIN – LAIN
3.	DIJANGKA MAMPU JANA PERTAMBAHAN HASIL RM38J, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 22	
4.	AMPUTEE FINDS PURPOSE AND SUCCESS IN AGRICULTURE, NATION, THE STAR, M/S – 12	
5.	TERUSKAN INISIATIF MURNI, KUBELA, HARIAN METRO, M/S – 33	
6.	TEMPAT KHAS UNTUK HAIWAN, KUBELA, HARIAN METRO, M/S – 34	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9



MOHD Nadzri (tengah) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian paket *frozen chicken tails* tanpa permit yang dirampas.

14,000 paket ayam *frozen* dari China kena rampas

Ipoh: Lebih 14,000 paket ayam sejuk beku seberat 29 tan metrik yang diimport dari negara China dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak melalui pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Klang, Selangor pada 12 Ogos lalu.

Paket berkenaan tertera logo halal Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (JAKIM) selain turut dilabel makanan selamat tanggungan industri (MeSTI) selain menggunakan Bahasa Melayu pada bungkusannya.

Pengarah JKDM Perak, Mohd Nadzri Ariffin berkata, rampasan kira-kira RM275,500 dengan anggaran jumlah duti atau cukai RM13,775.

Menurutnya, barangan

berkenaan tidak mempunyai sebarang permit import daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

“Ia dibawa daripada China. Kita sudah semak dengan MAQIS, syarikat yang membawa masuk produk ayam ini adalah bukan yang disenarai atau disahkan.”

“Hanya dua syarikat sahaja yang disahkan MAQIS. Status halal meragukan,” katanya dalam sidang media, di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pihaknya menumpaskan 26 kes penyeludupan membabitkan keseluruhan anggaran nilai duti berjumlah RM2.245 juta dalam Operasi Macan Legit II.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

SST buah import jana hasil RM38j setahun

Kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk buah-buahan import dijangka mampu menjana pertambahan hasil sebanyak RM38 juta setahun bermula 2026.

Kementerian Kewangan (MoF), menerusi jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen, berkata semakan semula kadar cukai jualan dan peluasan SST yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 dijangka mampu menjana pertambahan hasil sebanyak RM10 bilion setahun bermula 2026.

“Namun begitu, kerajaan telah mengambil kira maklum balas rakyat dan menyemak semula kadar untuk mengecualikan buah import terpilih seperti epal, oren, kurma dan limau Mandarin, di mana keputusan ini diambil untuk memastikan akses yang terjamin kepada makanan yang berkhasiat dan lazim dimakan, terutama bagi golongan rentan,” kata kementerian itu.

Kementerian berkenaan berkata demikian bagi menjawab soalan Jimmy Pua Wee Tse (PH-Tebrau) yang ingin tahu jangkaan pengutipan hasil daripada peluasan SST yang mula dikuatkuasa pada 1 Julai ini khususnya kutipan untuk buah-buahan import.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	22

SST BUAH-BUAHAN IMPORT

Dijangka mampu jana pertambahan hasil RM38j

Kuala Lumpur: Kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk buah-buahan import dijangka mampu menjana pertambahan hasil RM38 juta setahun bermula 2026, kata Kementerian Kewangan (MOF).

Menerusi jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen pada Isnin, MOF berkata, semakan semula kadar cukai jualan dan peluasan cukai perkhidmatan (SST) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 dijangka mampu menjana pertambahan hasil sebanyak RM10 bilion setahun bermula 2026.

"Langkah semakan semula kadar SST dilaksanakan antara lainnya bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara di samping mempromosi dan menyokong industri buah

tempatan.

"Namun begitu, kerajaan telah mengambil kira maklum balas rakyat dan menyemak semula kadar untuk mengecualikan buah import terpilih seperti epal, oren, kurma dan limau mandarin, dimana keputusan ini diambil untuk memastikan akses yang terjamin kepada makanan yang berkhasiat dan lazim dimakan, terutama bagi golongan rentan," kata Kementerian itu.

Kementerian berkenaan berkata demikian bagi menjawab soalan **Jimmy Pua** **Wee Tse (PH-Tebrau)** yang ingin tahu jangkaan pengutipan hasil daripada perluasan SST mula dikuatkuasa pada 1 Julai ini khususnya kutipan untuk buah-buahan import.

Amputee finds purpose and success in agriculture

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Losing his right leg to an infection last year has not stopped K. Murugan from pursuing his passion for agriculture and supporting his family.

The 51-year-old had his leg amputated up to the knee after suffering from a severe bacterial infection. Despite this, he refused to let his disability define him.

Instead, the father of two turned his focus to farming, carving out a new life in aquaponics and food waste management.

Murugan said that his determination to carry on was driven by his responsibility to provide for his family and his deep interest in agriculture.

"Being a person with disabilities (OKU) is not an excuse to sit back and do nothing.

"I want to prove that I can still contribute and be productive," he said in an interview.

He is now active in aquaponics farming and has also come up with his own innovation – food waste barrels – to grow vegetables and fruits more sustainably.

Murugan, who moves around with crutches, spends up to five hours a day tending to his plants.

While he admits it is exhausting, he said the effort is worthwhile.

His wife A. Kogilavani, 41, has been his pillar of strength.

"She has been with me through thick and thin and has always encouraged me to keep going," he said.

Before venturing into farming, Murugan worked as an excavator driver for three decades.

His passion for agriculture was sparked after watching YouTube videos on aquaponics.

"Standing for long hours with crutches is tough but I have no choice," he said.

He added that he was recommended to use a hydraulic prosthetic leg, but the cost was about RM20,000, far beyond his means.

Despite the challenges, he has made significant strides, including receiving the Iskandar Puteri Low Carbon 3.0 grant from the Iskandar Puteri City Council for his food waste barrel project.

He also been recognised with more than 10 awards in agriculture, including a gold medal at the Johor Agriculture Department's Innovation Award in 2019.

"I want to show that nothing is impossible as long as we put in the effort.

"At the same time, I want more people to be involved in agriculture so that we can play our part in tackling food security issues."



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2025	HARIAN METRO	KUBELA	33

KUBELA

TERUSKAN INISIATIF MURNI

Siti Khairunnisa tepis tanggapan negatif demi menyelamatkan haiwan jalanan

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@metro.com.my

Pencinta haiwan ini tidak pernah mengambil pusing kata-kata negatif segelintir masyarakat yang seolah-olah memperlekeh inisiatifnya membantu dan menyelamatkan haiwan jalanan.

Sebaliknya menganggap ia sebagai cabaran yang membakar semangat untuk meneruskan kerja murni yang dilakukan sejak empat tahun lalu.

Siti Khairunnisa Ab Khalid, 38, berkata, ada juga suara sumbang mengatakan memberi makanan kepada kucing jalanan sebagai perbuatan tidak berfaedah dan membazir kerana membelanjakan sejumlah besar wang untuk tujuan berkenaan.

> 34

FOTO: RISAM SLEKTIYARD/REUTERS (2)



TEMPAT KHAS UNTUK HAIWAN

DARI MUKA 33

Wujudkan persekitaran sihat selain memudahkan usaha penjagaan

Selain itu, ada juga memberikan kata-kata agak keterlaluan mengatakan haiwan ini membawa beban atau kemudatan apabila memohon sumbangan orang ramai untuk merawat kucing malang ini.

"Ini kerana kos perbelanjaan untuk haiwan itu agak tinggi yang ada kalanya boleh mencecah ribuan ringgit sebulan, sekiranya membabitkan rawatan perubatan.

"Daripada puluhan kucing jalanan yang diselamatkan, 22 ekor haiwan ini dibawa tinggal bersama saya di rumah.

"Ada juga yang tidak dapat diselamatkan dan satu bilik khas disediakan bagi menempatkan kucing yang diselamatkan berkenaan," katanya.

Pada masa sama turut memberi makanan dan menyelamatkan anjing jalanan dengan cara menghantar ke pusat jagaan haiwan itu.

"Kucing dan anjing adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang berhak mendapat kehidupan lebih baik.

"Di samping itu saya percaya dengan memberi makan kepada haiwan juga adalah salah satu amalan bersedekah," katanya.

Jelasnya, tidak kurang juga ada yang mempertikai tindakannya menempatkan kucing dalam rumah dan mengatakan tempat sepatutnya bagi haiwan itu ialah di luar rumah.

"Saya lebih yakin kucing berada di dalam rumah kerana keselamatannya lebih terjamin.

"Ini kerana ada segelintir individu tidak berperikemanusiaan dan tergamak bertindak kejam terhadap haiwan berkenaan.

"Terlalu banyak kes penganiayaan haiwan yang berlaku setiap hari di merata tempat.

"Saya pernah menyaksikan depan mata sendiri orang mengasari haiwan jalanan walhal haiwan itu sedang berehat," katanya.

Menyorot kembali pembabitannya awalnya menyelamatkan haiwan jalanan Siti Khairunnisa berkata, ia bermula



MEMBERI makanan kepada kucing jalanan



KUCING unik baka Domestic short hair yang diselamatkan Siti Khairunnisa



MELUANGKAN masa bersama kucing jalanan yang menjadi haiwan kesayangan

ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2021.

Katanya, ketika itu premis perniagaan tidak beroperasi menyebabkan banyak kucing jalanan kelaparan.

"Keadaan fizikal kucing bukan sahaja kurus tetapi banyak juga yang tidak sihat.

"Ini menimbulkan

rasa simpati dan juga menjantik hati saya untuk memberi makanan serta menyelamatkannya.

"Lokasi menyelamatkan haiwan ini adalah di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Tetapi, lebih tertumpu di Sungai Buloh, Selangor kerana saya menetap di sini," katanya.

Menurutnya, kucing jalanan yang diselamatkan

menghidap pelbagai jenis penyakit termasuk penyakit kronik yang boleh mengakibatkan kematian.

"Seekor kucing yang diselamatkan bernama Charlie menghidap leukimia kucing atau Feline Leukemia Virus (FeLV) iaitu jangkitan retrovirus.

"Penyakit ini turut menyebabkan ulser teruk (stomatitis) pada mulut haiwan berkenaan hingga berdarah yang membuatnya kesakitan apabila makan.

"Si bulus ini diberikan rawatan suntikan antiviral selama 90 hari berturut-turut dan selesai rawatan berkenaan tahun lalu.

"Kos rawatan ini agak tinggi iaitu kira-kira RM8,000 yang menggunakan dana sumbangan orang ramai," katanya.

Siti Khairunnisa berkata, gigi kucing di bahagian yang sakit dicabut dan kesihatannya semakin baik serta tiada lagi masalah mulut berdarah.

"Kucing yang dijumpai sebelah siang akan dibawa terus ke klinik untuk rawatan lanjut.

"Tetapi jika saya

sibuk dan ada kerja yang membataskan masa untuk membantunya (kucing), saya akan cuba minta bantuan di media sosial

Daripada puluhan kucing jalanan yang diselamatkan, 22 ekor haiwan ini dibawa tinggal bersama saya di rumah

**SITI
KHAIRUNNISA**

bagi menyelamatkan haiwan yang sakit.

"Sebaliknya jika dijumpai pada sebelah malam, maka kucing ini perlu diasingkan daripada kucing peliharaan lain bagi mengelakkan jangkitan," katanya.

Katanya lagi, dia ada menyelamatkan seekor kucing yang unik iaitu baka Domestic short hair tetapi coraknya seperti anjing Dalmatian.

"Ia spesies jarang jumpa kerana kewujudannya 'satu' dalam sejuta.

"Kucing ini berbulu putih yang bertanda dengan banyakompok hitam mirip anjing.

"Si bulus ini tular kerana keunikannya dan ramai menyangka baka spesies ini dari luar negara tetapi sebenarnya baka tempatan," katanya.

Dalam pada itu Siti Khairunnisa menyeru kerajaan supaya mengambil langkah proaktif meningkatkan kesedaran dan menyokong usaha menyelamatkan haiwan jalanan seperti yang dilakukan di Turkiye.

Pendekatan ini penting untuk melahirkan masyarakat penyayang dan berempati, di samping memberi kesedaran berkenaan program perangkap, mandul dan lepas (TNR). Ia terbukti berkesan mengawal populasi haiwan jalanan yang banyak dijalankan negara maju